KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **1 OGOS 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS
TARIKH: 1/8/2024
M/SURAT: 21

# Syarikat disyaki jalankan aktiviti penipuan pelaburan diserbu

**Kuala Lumpur:** Sebuah syarikat yang disyaki menjalankan aktiviti penipuan pelaburan diserbu pihak berkuasa semalam dan pelbagai kenderaan mewah dirampas.

Difahamkan, serbuan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Bank Negara Malaysia (BNM) itu dijalankan di pejabat serta kediaman pemilik syarikat di Subang, Selangor.

Sumber berkata, satu operasi dilaksanakan susulan laporan yang diterima berhubung aktiviti penipuan pelaburan membabitkan kerugian jutaan ringgit.

"Pasukan menyerbu pejabat dan kediaman pemilik di kawasan Subang dengan beberapa kenderaan mewah seperti Lamborghini serta BMW dirampas.

"Pejabat berkenaan turut disita untuk siasatan. Setakat ini, siasatan sedang dijalankan," katanya.

> **Difahamkan, sejak ditubuhkan lebih 100,000 ahli menyertai skim pelaburan berkenaan**

Sementara itu, difahamkan KPDN Putrajaya akan mengeluarkan kenyataan media berhubung operasi berkenaan.

Syarikat pelaburan yang beroperasi sejak 2021 dan pernah menandatangani perjanjian persefahaman dengan sebuah pasukan bola sepak bagi tajaan didakwa memperdaya mangsa menerusi skim pelaburan dan hibah dengan menjanjikan pulang lumayan.

Difahamkan, sejak ditubuhkan lebih 100,000 ahli menyertai skim pelaburan berkenaan.

Bagaimanapun, pelabur yang menyertai skim itu tidak menerima pulangan dijanjikan.

Semakan mendapati, nama syarikat terbabit juga sudah dimasukkan dalam senarai amaran pelaburan oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti (SC).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 1/8/2024
M/SURAT: 13

# Dua warga Thailand didakwa miliki 160 liter petrol

ALOR SETAR: Dua warga Thailand mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan memiliki barang kawalan iaitu 160 liter petrol di Durian Burung, Padang Terap baru-baru ini.

Phatcharee Hama, 38, dan Abdulloh Saleesing, 21, kedua-duanya berasal dari Songkhla, Thailand yang didakwa secara berasingan membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Thai di hadapan Hakim Noor Zaihan Mohamad Ali.

Phatcharee didakwa memiliki barang kawalan berjadual iaitu 60 liter petrol yang dijumpai dalam tangki tambahan di bahagian tempat duduk belakang sebuah kenderaan bernombor pendaftaran tempatan, dalam keadaan menimbulkan syak munasabah melanggar Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu berurusan dengan barang kawalan secara borong tanpa lesen.

Abdulloh juga didakwa melakukan kesalahan sama setelah didapati memiliki petrol berjumlah 100 liter dalam sebuah kenderaan lain yang turut mempunyai tangki ubah suai, dan mereka didakwa melakukan kesalahan itu di Sekatan Jalan Raya Durian Burung pada 11.45 pagi 27 Julai lepas.

Pertuduhan terhadap kedua-dua tertuduh dikemukakan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan mereka boleh didenda tidak lebih RM1 juta atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua dan berikutnya, boleh didenda sehingga RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Hakim membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan dua orang penjamin warga tempatan serta mengarahkan kedua-dua mereka melaporkan diri di balai polis terdekat setiap bulan dan menetapkan 4 September ini untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Mohd Hilmi Abu Hassan dan dan Mohd Sayuti Ismayatim, manakala tertuduh tidak diwakili peguam. — Bernama



DIDAKWA: Phatcharee (dua kiri) dan Abdulloh (dua kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen semalam atas pertuduhan memiliki barang kawalan iaitu 160 liter petrol di Durian Burung, Padang Terap baru-baru ini. — Gambar Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
HARI: KHAMIS
TARIKH: 1/8/2024
M/SURAT: 3

# Companies involved in cartels penalised

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Competition Commission (MyCC) has imposed financial penalties of over RM570 million on nearly 100 companies involved in cartel activities in the country, Dewan Negara was told.

In a written reply to Senator Datin Ros Suryati Alang, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry said the MyCC is investigating 18 cartel cases involving more than 500 enterprises, Bernama reported.

"Fourteen of the cases involve bid rigging in government procurement, with a value of more than RM3.3 billion."

The ministry said it would table a Bill to amend the Competition Act 2010, introducing a Merger Control Regime and strengthening the powers of the MyCC in the investigation of cartels.

"The regime is one of the early mechanisms proven effective to stop companies from using merger or takeover transactions with their competitors to form a cartel.

"The amendment Bill is expected to be tabled in Parliament in October."

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 1/8/2024
M/SURAT: 8

# Tidak halang kemasukan pelabur

## Kerangka kawal selia internet bantu rangsang pelaburan ke dalam negara

SINGAPURA



Fahmi (kanan) ketika sesi lawatan kerja selama tiga hari di Singapura pada Selasa.

Kerangka kawal selia baharu untuk penggunaan internet yang selamat tidak akan menghalang kemasukan pelaburan ke Malaysia.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, peraturan baharu yang akan dilaksanakan tahun hadapan itu akan menggalakkan pelabur dengan menyediakan kerangka kawal selia baharu yang lebih jelas.

"Kami percaya ia mungkin merangsang pelaburan selanjutnya kerana landskap kawal selia menjadi lebih jelas apabila garis panduan ini ditetapkan," katanya dalam temu bual di akhir lawatan kerja tiga hari di sini pada Selasa.

Menjelaskan keputusan kerajaan memperkenalkan pelesenan, Fahmi berkata, ia berpunca daripada keperluan untuk mengekang penipuan, bahan penganiayaan seksual kanak-kanak (CSAM) dan buli siber di platform ini terutamanya selepas kematian pempengaruh media sosial, A Rajeswary atau dikenali sebagai Esha yang mencetuskan kemarahan orang ramai.

"Keputusan itu tidak dibuat dalam sekelip mata kerana libat urus dengan semua platform telah bermula pada Februari.

"Mereka juga diberi tempoh lima bulan mulai pengenalan kerangka kawal selia baharu pada 1 Ogos sehingga pelaksanaannya pada 1 Januari 2025 untuk mendapatkan lesen," katanya.

Sementara itu, Fahmi yang juga jurucakap Kerajaan Perpaduan berkata, setakat ini kerajaan tidak bercadang melanjutkan kerangka kawal selia baharu mengenai internet selamat kepada platform e-dagang atau pasaran dalam talian.

Bagaimanapun beliau menyatakan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersedia bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) yang menyelia platform e-dagang di negara ini untuk menangani isu seperti penipuan di platform berkenaan.

"Kami mahu pasaran dalam talian, platform media sosial dan perkhidmatan pemesejan dalam talian mengambil pendekatan yang lebih proaktif untuk menangani kebimbangan ini jika mereka mengesan sebarang aktiviti jenayah," katanya. - *Bernama*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 1/8/2024
M/SURAT: 15

# Semua kementerian disaran bekerjasama tingkat kesedaran

**SHAH ALAM -** Semua kementerian disarankan supaya bekerjasama dalam memainkan peranan melaksanakan program sosial bagi meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung inisiatif dan bantuan penyasaran subsidi di negara ini.

Naib Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Datuk Indrani Thuraisingham berkata, tindakan meningkatkan kesedaran itu tidak sepatutnya diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sahaja, sebaliknya memerlukan usaha secara bersepadu daripada semua kementerian.

"Ada banyak program yang telah kerajaan keluarkan, saya rasa sekurang-kurangnya ada 61 program sosial telah dikeluarkan tetapi semua ini dikeluarkan oleh kementerian berlainan dan mereka seolah-olah tidak berada dalam satu naungan yang besar.

"Jadi kita nampak ada pengasingan atau silo. Kadang-kala ada keluarga yang menerima bantuan dari tiga atau empat program, tetapi ada keluarga yang tidak terima apa-apa.


INDRANI

"Saya rasa Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang telah diperkenalkan kerajaan itu adalah sistem yang amat bagus kerana ia boleh kenal pasti siapa golongan-golongan rentan yang boleh mendapatkan bantuan secukupnya," katanya.

Dalam pada itu, ujar Indrani, kerajaan juga perlu mengenakan hukuman lebih tegas kepada mana-mana peniaga yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang susulan penyasaran semula subsidi.

Menurutnya, meskipun pihak KPDN sedang mengawal atau melakukan pemantauan melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 namun, ia belum mencukupi.

"Saya rasa hanya keluarkan notis sahaja tidak cukup, kita kena mengenakan penalti yang begitu tegas.

"Sama ada menggantung lesen mereka atau memberi penalti begitu tegas. Sekarang hukuman penalti sangat terhad.

"Jadi kita kena pastikan supaya menegaskan mereka ini tidak mengambil kesempatan sewenang-wenangnya," ujarnya.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 1/8/2024
M/SURAT: 16

Nota Di Sebalik Tabir
Bersama MERAK JALANAN

# Perang ke atas gula, inilah masanya!

**PERANG** ke atas gula bukan perkara baharu ingin dilakukan malahan perjuangan ini sudah dimulai sejak 60 tahun lalu, namun masih belum berjaya.

Sebenarnya, tugas melaksanakan kempen kesedaran ini bukan hanya tugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ataupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sahaja, malahan semua kementerian wajar memberikan kesedaran mengikut ruang lingkup portfolio masing-masing.

Kejayaan sesebuah kempen hanya akan berjaya sekiranya dilakukan secara menyeluruh dan dilakukan secara bersepadu oleh semua kementerian.

Inisiatif kerajaan melalui kempen 'Kurang Gula, Kurang Harga' yang diperkenalkan bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai kepentingan amalan pemakanan sihat melalui pengurangan pengambilan gula dalam diet harian amat tepat sekali.

Membicarakan tugas kementerian-kementerian, mungkin konteksnya lebih besar tetapi sebenarnya, kesedaran ini wajar dimulai dari rumah kita sendiri.

Rasa minuman kurang gula ataupun tanpa gula bukanlah teruk mana, masih boleh diterima tekak jika kita jadikan amalan seharian.

Ada kawan Merak Jalanan berkongsi pengalamannya sendiri, sebaik berhenti minum minuman manis selama dua minggu berturut-turut, kesan ketara yang didapati ialah pipinya yang tembam menjadi tirus dan susut.

Sebaik melihat kesan itu, kawan Merak Jalanan terus istiqamah membuat diet gula. Selain berhenti minum manis, kawan Merak Jalanan turut mengamalkan diet protein yang ketat serta berhenti makan nasi dan selepas setahun hampir 30 kilogram berat badannya susut.

Apa sahaja usaha yang ingin berjaya mestilah dibuat secara konsisten dan bersungguh-sungguh.

Apa yang Merak Jalanan harapkan, agenda negara ini benar-benar mencapai objektif dan menjadikan penghuni negara ini lebih sihat akan tercapai.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE EDGE MALAYSIA
HARI: KHAMIS
TARIKH: 1/8/2024
M/SURAT: 12

# 'Safe internet' regulatory framework will not discourage investments, says Fahmi

BY NUR ASHIKIN ABDUL AZIZ
Bernama


SHAHRILL BASRI/ THE EDGE

SINGAPORE (July 31): Communications Minister Fahmi Fadzil expressed confidence that the new regulatory framework for a safe internet will not discourage investments in the country.

He said that, on the contrary, investors will be more encouraged by the new regulations, which are set to be implemented next year, as it provides a much clearer regulatory framework.

"We believe that if anything, this might spur further investment, because the regulatory landscape becomes much clearer when these boundaries are there.

"I believe that if we are able to do this, perhaps this is something that can be studied by other countries, other jurisdictions," he told *Bernama* and *Nikkei Asia* in an interview at the end of his three-day working visit here on Tuesday.

The minister said that despite demand from segments of the public to suspend certain social media platforms, especially due to cases of cyberbullying, the government has decided to take the "middle path" by engaging with the platforms, and working together with them to implement the framework.

Explaining the government's decision to introduce licensing, Fahmi said it stems from the need to curb scams, child sexual abuse material, and cyberbullying on these platforms, especially after the suicide of social media influencer A Rajeswary, also known as Esha, which sparked public outcry.

He stated the decision was not made overnight, as engagements with the platforms began in February.

The platforms are also given a five-month grace period between the introduction of the framework on Aug 1 and its implementation on Jan 1, 2025, in order to get licensed.

Meanwhile, Fahmi, who is also a spokesperson for the unity government, said the government had no plans as of now to extend the new regulatory framework to e-commerce platforms or marketplaces.

However, Fahmi noted that the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) is prepared to work with the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs, which oversees e-commerce platforms in the country, to address issues such as scams on the platforms.

"We want these online marketplaces, social media platforms, and online messaging services to take a more proactive approach to address these concerns if they detect any criminal activity.

"Online scams are a serious issue. But I don't think now is the time [to extend the regulatory framework to e-commerce platforms]," he said.

Fahmi said the estimated loss from scams, particularly on social media, amounted to about RM500 million on one platform alone, in the first half of this year.

On Saturday, the MCMC said it will introduce a new regulatory framework for safe internet use by children and families on Aug 1, with implementation set for Jan 1, 2025.

Under the new framework, social media and internet messaging services with at least eight million registered users in Malaysia must apply for an Application Service Provider Class Licence under the Communications and Multimedia Act 1998 (Act 588).

According to Fahmi, the eight million users threshold was decided based on surveys conducted by the ministry and other organisations regarding the size and user base of the social media platforms.

"Generally, based on the rule of thumb, we estimated it to be about 25% of Malaysia's population," he said.

**Read the full story**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 1/8/2024
M/SURAT: 16



# New internet regulation will not discourage investments

SINGAPORE: Communications Minister Fahmi Fadzil (**pic**) expressed confidence that the new regulatory framework for a safe Internet will not discourage investments in the country.

He said that, on the contrary, investors will be more encouraged by the new regulations, which are set to be implemented next year, as it provides a much clearer regulatory framework.

"We believe that if anything, this might spur further investments because the regulatory landscape becomes much clearer when these boundaries are there.

"I believe that if we're able to do this, perhaps this is something that can be studied by other countries, other jurisdictions," he told Bernama and Nikkei Asia in an interview at the end of his three-day working visit here this week.

The minister said that despite demand from segments of the public to suspend certain social media platforms, especially due to cases of cyberbullying, the government has decided to take the "middle path" by engaging with the platforms and working together with them to implement the framework.

Explaining the government's decision to introduce licensing, Fahmi said it stemmed from the need to curb scams, child sexual abuse material (CSAM), and cyberbullying on these platforms, especially after the suicide of social media influencer A. Rajeswary, also known as Esha, which sparked public outcry.

He stated the decision was not made overnight, as engagements with the platforms began in February.

They are also given a five-month grace period between the introduction of the framework on Aug 1 and its implementation on Jan 1, 2025, to get licensed.

Meanwhile, Fahmi, who is also a spokesperson for the Unity Government, said the government has no plans as of now to extend the new regulatory framework on safe Internet to e-commerce platforms or marketplaces.

However, Fahmi noted that the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) is prepared to work with the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDN), which oversees e-commerce platforms in the country, to address issues such as scams on the platforms.

"We want these online marketplaces, social media platforms, and online messaging services to take a more proactive approach to address these concerns if they detect any criminal activity.

"Online scam is a serious issue. But I don't think now is the time (to extend regulatory framework to e-commerce platforms). Not yet," he said.

Fahmi said the estimated loss from scams, particularly on social media, amounted to about RM500 million on one platform alone, in the first half of this year.

Last Saturday, MCMC said it will introduce a new regulatory framework for safe Internet use by children and families on Aug 1, with implementation set for Jan 1, 2025.

Under the new framework, social media and Internet messaging services with at least eight million registered users in Malaysia must apply for an Application Service Provider Class Licence under the Communications and Multimedia Act 1998 (Act 588).

According to Fahmi, the eight million users threshold was decided based on surveys conducted by the ministry and other organisations regarding the size and user base of the social media platforms.

"Generally, based on the rule of thumb, we estimated it to be about 25 per cent of Malaysia's population," he said.

During his working visit to Singapore, Fahmi met with officials from various social media platforms such as Meta, Google, TikTok, and Tencent to update them on the new regulatory framework, and discuss online security, as well as potential collaborations to combat illegal activities on these platforms.

He also held bilateral talks with Singapore's Digital Development and Information Minister Josephine Teo. –Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 1 OGOS 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 1-Aug | Tak mengaku seludup 160 petrol ke Thailand | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1117174/tak-mengaku-seludup-160-petrol-ke-thailand | HARIAN METRO |
| 1-Aug | Syarikat pelaburan diserbu, pelbagai kenderaan mewah dirampas | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1117287/syarikat-pelaburan-diserbu-pelbagai-kenderaan-mewah-dirampas | HARIAN METRO |
| 1-Aug | Hampir 100 perusahaan kartel kena penalti lebih RM570 juta – MyCC | https://malaysiagazette.com/2024/07/31/hampir-100-perusahaan-kartel-kena-penalti-lebih-rm570-juta-mycc/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 1-Aug | Langkah awal jadi usahawan berjaya | https://www.sinarharian.com.my/article/677775/berita/nasional/langkah-awal-jadi-usahawan-berjaya | SINAR HARIAN |
| 1-Aug | Gas memasak RM45 setong di Kampung Abai, Kinabatangan | https://www.sabahgazette.com/gas-memasak-rm45-setong-di-kampung-abai-kinabatangan/#google_vignette | SABAH GAZETTE |
| 1-Aug | Pujut rep moots exempting Bruneians exempt from refuelling restriction to encourage tourism, says their petrol cheaper than Malaysia's | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/07/31/pujut-rep-moots-exempting-bruneians-exempt-from-refuelling-restriction-to-encourage-tourism-says-their-petrol-cheaper-than-malaysias/145535#google_vignette | MALAY MAIL |
| 1-Aug | RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 diluluskan | https://www.kosmo.com.my/2024/07/31/ruu-perkongsian-liabiliti-terhad-pindaan-2024-diluluskan/ | KOSMO |
| 1-Aug | Dewan Negara lulus RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dewan-negara-lulus-ruu-perkongsian-liabiliti-terhad-pindaan-2024-481481 | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1-Aug | Tipu berat timbangan duri-an, papar iklan menge-lirukan | https://www.sinarharian.com.my/article/677915/berita/semasa/tipu-berat-timbangan-durian-papar-iklan-mengelirukan | SINAR HARIAN |
| 1-Aug | KPDN KL terima 4 aduan berkaitan gerai menjual duri-an | https://malaysiagazette.com/2024/07/31/kpdn-kl-terima-4-aduan-berkaitan-gerai-menjual-durian/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 1-Aug | Ops Duri: Peniaga dikesan tipu berat timbangan, papar iklan mengelirukan | https://www.buletintv3.my/nasional/ops-duri-peniaga-dikesan-tipu-berat-timbangan-papar-iklan-mengelirukan/ | BULETIN TV3 |
| 1-Aug | OPS DURI: 14 GERAI DU-RIAN DIPERIKSA DALAM TEMPOH MEI - JULAI | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2323976 | BERNAMA |
| 1-Aug | Ops Duri: 14 durian stalls inspected between May and July | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/07/31/ops-duri-14-durian-stalls-inspected-between-may-and-july | THE STAR |
| 1-Aug | 14 gerai durian diperiksa di KL, aduan tipu harga | https://www.kosmo.com.my/2024/07/31/14-gerai-durian-diperiksa-di-kl-aduan-tipu-harga-durian/ | KOSMO |
| 1-Aug | Op Duri: Peniaga dikesan tipu berat timbangan, papar iklan mengelirukan | https://www.malay.news/op-duri-peniaga-dikesan-tipu-berat-timbangan-papar-iklan-mengelirukan/ | MALAY NEWS |
| 1-Aug | Op Duri: Peniaga dikesan tipu berat timbangan, papar iklan mengelirukan | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1117359/op-duri-peniaga-dikesan-tipu-berat-timbangan-papar-iklan-mengelirukan | HARIAN METRO |
| 1-Aug | Ops Duri: Traders caught cheating on weights, dis-playing misleading adver-tisements | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/07/1084670/ops-duri-traders-caught-cheating-weights-displaying-misleading | NEW STRAITS TIMES |
| 1-Aug | 14 gerai durian di KL di-periksa | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/14-gerai-durian-di-kl-diperiksa/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 1-Aug | Op Tiris: Seleweng beras, minyak masak, tepung, gula, 6 ditahan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1117401/op-tiris-seleweng-beras-minyak-masak-tepung-gula-6-ditahan | HARIAN METRO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1-Aug | Op Tiris: Seleweng beras, minyak masak, tepung, gula, 6 ditahan | https://www.malay.news/op-tiris-seleweng-beras-minyak-masak-tepung-gula-6-ditahan/ | MALAY NEWS |
| 1-Aug | Kerangka kawal selia baharu internet selamat, tidak halang pelaburan - Fahmi | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1278727/kerangka-kawal-selia-baharu-internet-selamat-tidak-halang-pelaburan | BERITA HARIAN |
| 1-Aug | Kerangka kawal selia baharu internet selamat, tidak halang pelaburan - Fahmi | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerangka-kawal-selia-baharu-internet-selamat-tidak-halang-pelaburan-fahmi | BERITA RTM |
| 1-Aug | Kerangka kawal selia baharu internet selamat, tidak halang pelaburan | https://www.sinarharian.com.my/article/677909/berita/nasional/kerangka-kawal-selia-baharu-internet-selamat-tidak-halang-pelaburan | SINAR HARIAN |
| 1-Aug | 'Safe internet' regulatory framework will not discourage investments, says Fahmi | https://www.theedgemalaysia.com/node/721120 | THE EDGE MALAYSIA |
| 1-Aug | Syarikat pelaburan diserbu, pelbagai kenderaan mewah dirampas | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1117287/syarikat-pelaburan-diserbu-pelbagai-kenderaan-mewah-dirampas | HARIAN METRO |
| 1-Aug | Barangan mewah, 92 akaun bank babitkan nilai lebih RM30 juta disita BNM | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1117365/barangan-mewah-92-akaun-bank-babitkan-nilai-lebih-rm30-juta-disita-bnm | HARIAN METRO |
| 1-Aug | BNM seizes over RM30mil in assets and accounts linked to fraudulent investment firm | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/07/1084656/bnm-seizes-over-rm30mil-assets-and-accounts-linked-fraudulent-investment | NEW STRAITS TIMES |
| 1-Aug | Tipu pelaburan: BNM sita barangan mewah, 92 akaun bank babitkan nilai lebih RM30 juta | https://malaysia-tribune.news/2024/07/31/tipu-pelaburan-bnm-sita-barangan-mewah-92-akaun-bank-babitkan-nilai-lebih-rm30-juta/ | MALAYSIA TRIBUNE |
| 1-Aug | Tipu pelaburan: BNM sita barangan mewah, 92 akaun bank babit nilai lebih RM30 juta | https://www.sinarharian.com.my/article/677937/berita/semasa/bnm-sita-barangan-mewah-92-akaun-bank-babit-nilai-lebih-rm30-juta | SINAR HARIAN |
| 1-Aug | Miliki 160 liter petrol: Dua warga Thailand didakwa | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/miliki-160-liter-petrol-dua-warga-thailand-didakwa-481454 | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT